

04/05/1998

Mengambil kedudukan bintang perlu mahir

Lt Mustapha Marican

MENGAMBIL kedudukan bintang adalah sebahagian daripada tugas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ketika kapal sedang belayar.

Kedudukan bintang diambil dengan menggunakan kompas. Sekiranya tidak melihat sendiri, kita hairan kenapa tugas itu perlu dilakukan ketika dalam pelayaran.

Bagi anggota TLDM, mengambil kedudukan bintang ketika berada di tengah laut, amat penting.

Tugas berkenaan perlu bagi mencari kedudukan kapal yang sebenarnya dengan berpandukan peta dan kompas yang diteropong ke arah bintang yang terbit. Ia bagi memudahkan perjalanan atau pelayaran tepat ke destinasi yang dituju.

Mengambil kedudukan bintang biasanya dilakukan apabila kapal dalam pelayaran keluar dari perairan sendiri iaitu ketika terbit fajar yang biasanya dikenali dengan panggilan `Morning Side`.

Ia juga dilakukan pada waktu petang iaitu ketika matahari hampir terbenam dan bintang akan terbit yang dikenali dengan panggilan `Evening Side`.

Begitulah antara tugas pegawai dan anggota TLDM ketika dalam pelayaran untuk menentukan kedudukan kapal mereka dalam menuju arahnya pada tiga keadaan dan waktu dalam masa 24 jam sehari semalam.

Berikutan perkembangan sains dan teknologi, tugas dan kerja itu tidak dilakukan kerana setiap kapal dilengkapi peralatan pandu arah yang moden. Bagaimanapun, jika peralatan rosak, kerja itu perlu dilakukan.

Selain daripada mengambil kedudukan bintang, kerja itu juga boleh dilakukan dengan berpandukan bulan, matahari dan planet.

Pegawai yang ditugaskan melakukan kerja itu akan meneropong ke langit dan mencari arah bintang yang akan terbit untuk menentukan arah dan kedudukan sebenar dengan mengira jarak dan peratus tertentu.

Di antara bintang yang terbit, sebiji bintang yang bercahaya terang, walaupun keadaan diselubungi awan, ia boleh dijadikan panduan. Selepas mengenal pasti bintang itu, kerja pengiraan dilakukan dengan menggunakan `globe` dan peta. Walaupun nampak mudah, kerja ini memakan masa yang lama.

Kemahiran melakukan kerja mengambil kedudukan bintang turut diambil kira bagi pegawai TLDM. Dalam peperiksaan kenaikan pangkat, ada tiga peringkat kemahiran itu berkaitan dengan tugas mereka.

Pertama, dari pangkat Pegawai Kadet Kanan ke Lt Muda peringkat pertama; kedua, Lt Madya dan Lt Madya ke Leftenan. Sijil untuk ujian mengambil kedudukan bintang adalah sijil ONC (Ocean Navigation) dan BWK (Brigade Washkeeping).

Biasanya, untuk lebih mudah mencari sasaran bintang, anak kapal akan bersedia dengan pengiraan mereka sendiri dengan darjah tertentu sebelum melakukan kerja itu.

(END)